

## Menelusuri Keunikan Baba Nyonya Melaka

Khairunnisa Zulkefli

Nor Hidayah Che Pi

Mohd Nazir Ahmad

Husain Hashim

### Fakulti Pengurusan Maklumat

UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

#### Abstrak

*Artikel ini adalah berdasarkan sumber lisan tentang penyelidikan masyarakat Baba Nyonya yang menetap di Melaka. Artikel ini juga hasil temubual dari seorang tokoh iaitu Tuan Tan Tiang Chuan yang merupakan Pengurus Persatuan Peranakan Cina Melaka serta isteri beliau iaitu Puan Tin Chin Neo. Selain itu aspek sejarah penghijrahan, kefahaman dan kepercayaan serta adat dan budaya masyarakat Baba Nyonya di Melaka juga dibincangkan.*

Kata Kunci: Baba Nyonya, peranakan, Tan Tiang Chuan, adat, budaya

#### Pengenalan

Malaysia adalah sebuah negara yang dikenali di mata dunia kerana mempunyai masyarakat berbilang kaum dan etnik. Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk seperti Melayu, Cina, India dan kaum-kaum dari Sabah dan Sarawak. Salah satu masyarakat yang wujud adalah Baba Nyonya yang merupakan kaum minoriti di Melaka. Semua kaum ini hidup bersama-sama dalam keadaan yang aman dan saling hormat - menghormati antara satu sama lain.

Kedatangan masyarakat Baba Nyonya ke Malaysia sebenarnya sudah lama dan mempunyai sejarah yang tersendiri. Proses asimilasi yang berlaku berjaya melahirkan adat dan budaya masyarakat Baba Nyonya yang unik dan tersendiri hasil dari gabungan dengan budaya masyarakat lain yang terdapat di Melaka. Walau bagaimanapun, masih ramai yang tidak mengetahui adat dan kebudayaan masyarakat Baba Nyonya serta sering menganggap mereka ini adalah sama sahaja seperti kaum Cina.

### Sejarah Kedatangan Masyarakat Baba Nyonya

Sejarah Peranakan Cina Melaka atau lebih dikenali sebagai masyarakat Baba Nyonya telah wujud sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Pada waktu itu, Melaka diketahui umum sebagai sebuah pusat perdagangan *interport*. Melaka menjadi sebuah tempat perdagangan dan tempat pertukaran barang perniagaan yang dibawa masuk daripada negara luar seperti China, India dan beberapa negara di sekitar Asia Tenggara. Negara China adalah antara negara yang paling banyak melakukan urusan perniagaan di Melaka. Oleh sebab itu, ramai pedagang Cina memilih untuk tinggal secara menetap di Melaka untuk memudahkan urusan mereka bagi melakukan perniagaan.

Leyden (2012) menjelaskan tentang perkahwinan antara Sultan Mansur Shah (1458 – 1477M) dari Melaka dengan Hang Lui, iaitu seorang puteri dari negara China. Sultan Mansur Shah berkahwin dengan Hang Lui setelah beliau memeluk agama Islam. Hasil daripada perkahwinan antara mereka berdua, mereka telah dikurniakan seorang putera bernama Paduka Hamad.

Sehubungan dengan itu, perkahwinan tersebut menunjukkan bahawa sejarah hubungan persahabatan dan perkahwinan antara bangsa Melayu dengan bangsa Cina telah lama bermula sejak awal lagi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa permulaan kepada kewujudan masyarakat Baba Nyonya yang menetap di Melaka adalah melalui sejumlah kecil kaum Cina yang berada di kepulauan Melayu Melaka sejak kurun ke-16 lagi. Tiang Chuan (2019) menjelaskan bahawa kedatangan kaum Peranakan Cina ke Kepulauan Melayu Melaka adalah akibat dari perkahwinan campur dan urusan perniagaan di Melaka. Pada permulaannya, masyarakat Baba Nyonya ini hanya terdapat di Melaka sahaja. Walau bagaimanapun, ia mulai berkembang ke Singapura dan Pulau Pinang akibat penghijrahan masyarakat Baba Nyonya ke sana.

Terdapat beberapa definisi Baba dan Nyonya. Menurut Arbak Othman (1999) Baba adalah bangsa yang berketurunan Cina yang mula menetap di Melaka sejak Sultan Mansur Syah memerintah. Dalam pada masa yang sama, mereka juga mempraktikkan kebudayaan Melayu dalam kehidupan mereka iaitu termasuklah melalui pakaian yang hampir serupa, gaya bahasa, makanan dan sebagainya. Nyonya pula adalah panggilan yang biasanya digunakan untuk memanggil perempuan Cina dari golongan Baba yang sudah bersuami.

Walau bagaimanapun, dalam catatan sejarah, “Baba” merujuk kepada kaum Cina yang mempunyai keturunan campuran dengan masyarakat tempatan di Melaka. Mereka menggelarkan diri mereka sebagai Baba atau peranakan. Masyarakat baba merujuk kepada orang Baba yang menetap di Melaka. Masyarakat Baba Nyonya adalah masyarakat yang istimewa dan tersendiri kerana mereka mempraktikkan adat dan budaya daripada bangsa Cina dan Melayu.

### **Pemikiran dan Kepercayaan Masyarakat Baba Nyonya**

Agama asal bagi masyarakat Baba dan Nyonya adalah agama Buddha. Walau bagaimanapun, semakin ramai masyarakat Baba Nyonya yang menganuti agama Kristian pada zaman sekarang. Penukaran agama bagi masyarakat Baba Nyonya tidak menjadi masalah walaupun ahli dalam satu-satu keluarga itu mempunyai agama yang berlainan. Anak-anak kaum Baba Nyonya boleh membuat keputusan sendiri sama ada mahu menukar agama atau tetap dengan agama asal tanpa paksaan dari ibu bapa mereka. Kebiasaananya, penukaran agama berlaku apabila masyarakat Baba Nyonya ingin berkahwin dengan kaum lain. Masyarakat Baba Nyonya mengamalkan kepercayaan kepada datuk-datuk mereka. Mereka juga sangat menghargai jasa nenek moyang mereka. Hal ini kerana masyarakat Baba Nyonya beranggapan bahawa ia merupakan jasa nenek moyang yang menyebabkan mereka lahir dan mampu untuk menjalani kehidupan di dunia sebagai seorang manusia dari satu generasi ke generasi.

Masyarakat Baba Nyonya juga percaya kepada atap terbuka iaitu terdapat sebahagian kawasan di dalam rumah mereka akan terbuka. Bahagian tersebut membenarkan air hujan untuk masuk ke dalam rumah. Air hujan itu dipercayai akan membawa rahmat kepada masyarakat Baba Nyonya. Walau bagaimanapun, kepercayaan ini tidak lagi diamalkan kerana risiko berlakunya pencerobohan ke dalam rumah tersebut akibat daripada atap yang terbuka. Satu lagi kepercayaan masyarakat Baba Nyonya adalah ibu hamil tidak dibenarkan untuk meninggalkan rumah mereka pada waktu senja dan juga pergi menghadiri majlis perkahwinan atau upacara kematian. Mereka percaya bahawa wanita hamil tersebut tidak akan mampu untuk keluar dari kawasan tersebut jika mereka telah memasukinya. Seperti masyarakat Cina,

masyarakat Baba Nyonya juga menganggap warna merah dan nombor lapan sebagai tuah. Mereka percaya bahawa warna merah dan nombor lapan itu mampu memberi kemakmuran dan kebahagiaan dalam kehidupan mereka.

Manurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) pantang larang ditakrifkan sebagai satu perbuatan yang terlarang yang dilakukan menurut adat atau kepercayaan sesebuah masyarakat tersebut. Antara pantang larang yang paling popular dalam kalangan masyarakat Baba Nyonya adalah larangan untuk membersihkan kawasan rumah ketika hari perayaan terutamanya pada hari pertama sambutan perayaan tersebut. Keseluruhan kawasan rumah sama ada di bahagian luar atau dalamnya adalah dilarang untuk dibersihkan sama sekali. Mereka hanya dibenarkan untuk mengelap barang dan perhiasan di dalam rumah sahaja dan pantang larang ini akan berakhir pada keesokkan harinya. Larangan ini sinonim dengan kepercayaan masyarakat Baba Nyonya di mana menyapu ketika perayaan akan menyebabkan rezeki mereka hilang. Serpihan mercun juga tidak dibenarkan untuk disapu kerana serpihan mercun itu dipercayai mampu memberikan tuah kepada masyarakat Baba Nyonya. Masyarakat Baba Nyonya juga tidak gemar atau masih mengikuti pantang larang di mana mereka tidak memakai baju berwarna hitam. Jika baju tersebut berwarna hitam, ia mesti disertakan bersama corak berwarna merah. Walau bagaimanapun, pantang-larang ini semakin dilupakan dan tidak diikuti terutamanya kepada masyarakat muda Baba dan Nyonya pada zaman sekarang.

Perayaan masyarakat Baba Nyonya tidak mempunyai banyak perbezaan daripada bangsa Cina kerana mereka turut menyambut Tahun Baru Cina. Sebelum menyambut Tahun Baru Cina, mereka akan membersihkan rumah terlebih dahulu. Kemudian mereka akan membuat kuih tradisional bersama ahli keluarga untuk dijamu sesama keluarga, saudara-mara dan tetamu. Kebiasaananya, pada waktu malam sebelum menyambut Tahun Baru Cina, semua ahli keluarga yang jauh dikehendaki pulang untuk berkumpul dan menjamu selera makan malam bersama keluarga. Pelbagai hidangan lazat akan disediakan. Selepas itu, mereka akan membakar mercun sebagai tanda kemeriahinan. Pada pagi Tahun Baru Cina, kaum Baba akan pergi sembahyang untuk memohon kesejahteraan hidup pada tahun tersebut. Kemudian, sanak saudara akan saling menziarahi antara satu sama lain dengan membawa bermacam-macam juadah. Mereka juga wajib membawa buah limau mandarin

dan memberi ‘angpau’ di dalam sampul berwarna merah kepada kanak-kanak dan orang bujang.

### **Adat Masyarakat Baba Nyonya**

Setiap kaum di Malaysia mempunyai adat yang tersendiri dalam melangsungkan perkahwinan. Ini tidak terkecuali bagi masyarakat Baba Nyonya yang mempunyai adat perkahwinan yang unik dan menarik. Mereka melakukan majlis perkahwinan selama dua belas hari. Mereka kebiasaannya berkahwin setelah berusia dua puluh tahun ke atas. Pada zaman dahulu, kebanyakan jodoh dipilih oleh ibu bapa. Walau bagaimanapun, lama kelamaan mereka semakin pandai memilih pasangan sendiri mengikut peredaran zaman. Proses perkahwinan bermula apabila pihak pengantin lelaki membawa rombongan merisik kepada pihak pengantin perempuan. Seterusnya mereka akan membincangkan tarikh untuk majlis perkahwinan dan membuat jemputan yang dipanggil “anteh sireh” iaitu jemputan melalui wang yang mengandungi kacang, limau dan sirih.

Setelah itu, mereka akan melakukan persiapan seperti menukar langsin dan cedar baru. Bilik pengantin akan diwangi-wangikan dengan setanggi dan potpuri iaitu wangi-wangian daripada tumbuh-tumbuhan. Selain itu, kain merah dan tanglung akan digantung di bahagian pintu utama sebagai simbol kebaikan atas perkahwinan tersebut. Setelah itu, mereka juga mempunyai hari “Khuih Thiah” iaitu hari kupas bawang untuk membuat dua puluh jenis sambal. Pada hari kedua belas upacara perkahwinan, barulah mereka akan makan sambal tersebut bersama nasi lemak.

Pengantin lelaki juga digalakkan untuk menghadirkan diri di rumah pengantin perempuan untuk menikmati jamuan makan malam. Majlis ini dinamakan *Chia Lang Khek*. Walau bagaimanapun, pengantin tidak digalakkan berjumpa hinggalah upacara *Chim Pang* berlaku. Upacara ini adalah upacara pertemuan pertama antara pengantin perempuan dan lelaki tersebut. Setelah keduanya bertemu untuk pertama kali, mereka akan duduk berhadapan di antara mereka di kerusi yang telah disediakan. Setelah itu, berlangsung upacara *Choon Tok* iaitu upacara makan sebagai suami isteri. Pada hari kedua belas, kebiasaannya tuan rumah akan menghidangkan nasi lemak bersama sambal yang dibuat pada hari “Khuih Thiah” kepada tetamu yang hadir. Akhir

sekali, kedua-dua keluarga dari pihak lelaki dan perempuan akan makan bersama sebagai satu proses untuk menjalinkan hubungan yang baik antara mereka. Selain itu, salah satu keunikan masyarakat ini juga, mereka diberi pilihan untuk memilih etnik jika ibu bapa mereka berkahwin antara etnik yang berbeza.



Gambar 1: Pengantin masyarakat Baba Nyonya

Berkenaan dengan upacara adat kematian pula, kebiasaannya mereka menyimpan mayat si mati selama tiga hari, lima hari dan tujuh hari. Mayat tersebut boleh diuruskan secara dibakar ataupun ditanam mengikut kemampuan ahli keluarga mereka. Setelah itu, mereka akan berkabung selama sebulan dan paling lama sehingga setahun. Mereka juga digalakkan untuk memakai baju hitam, putih atau keduanya untuk sepanjang tempoh berkabung. Walau bagaimanapun, adat ini semakin kurang dilakukan oleh masyarakat Baba Nyonya. Masyarakat muda Baba Nyonya pada zaman sekarang tidak ambil peduli akan keistimewaan sebagai kaum Baba dan Nyonya. (Berita Bernama, 2017). Hal ini kerana generasi muda ini lebih suka gaya hidup yang tidak kompleks dan memudahkan mereka. Ini menyebabkan mereka menganggap amalan dan budaya yang ada tidak membawa apa-apa makna dalam kehidupan mereka.

### **Budaya dan Tradisi Masyarakat Baba Nyonya**

Menurut Zahir (2015), masyarakat Baba Nyonya ini telah menyatukan warisan budaya Melayu bersama warisan budaya mereka sendiri. Mereka juga telah menyebabkan lahirnya penggabungan dua budaya yang menjadi satu budaya yang unik. Masyarakat Baba Nyonya mempunyai pelbagai budaya dan

tradisi yang amat menarik untuk diketahui. Razzaleigh (2017) menyatakan bahawa budaya Baba Nyonya ini lebih dipengaruhi kaum Cina berbanding kaum Melayu.

Dari segi makanan, masyarakat Baba Nyonya juga terkenal dengan keistimewaan mereka dari segi masakan pedas dan sedikit manis. Antara makanan tradisional mereka adalah ayam pongteh, itik tim, inchi kabin. Ayam pongteh adalah hidangan ayam yang dimasak menggunakan kacang soya. Ia direbus bersama kentang, kicap dan gula Melaka. Itik tim merupakan hidangan sup itik bersama sayuran seperti sawi, tomato, cendawan cina, kubis, cili dan buah pala. Itik tim merupakan hidangan wajib semasa perayaan. Hidangan ini merupakan hidangan istimewa kerana itik tersebut perlu direndam dan direbus sehari sebelum memasaknya bagi mendapatkan rasa yang lebih enak. Inchi kabin pula adalah hidangan ayam goreng ala nyonya. Istimewanya adalah ayam tersebut diperap bersama lima jenis rempah, akar ketumbar dan santan. Antara kuih yang terkenal dan diminati dalam kalangan masyarakat Baba Nyonya adalah pulut tekan dan pulut inti. Pulut tekan dibuat dengan menggunakan beras pulut dan bunga telang iaitu bunga yang berwarna biru. Pulut tekan ini kemudiannya akan dimakan bersama-sama dengan kaya. Pulut inti ini menggunakan tepung beras pulut yang diletakkan inti kelapa di atasnya. Inti kelapa ini diperbuat dari campuran gula melaka. Kuih ini kemudiannya akan dibungkus menggunakan daun pisang dan dibuat dalam bentuk piramid kecil. Masyarakat Baba Nyonya juga makan dengan menggunakan tangan seperti kaum Melayu. Aisyah (2017) menyatakan bahawa pembudayaan budaya Baba Nyonya ini dalam makanan campuran tradisi Melayu dan Cina telah membantu dalam membentuk identiti makanan di Melaka.



Gambar 2: Ayam pongteh




Gambar 3: Itik tim



Gambar 4: Pulut tekan

Dari aspek pakaian pula, baju tradisional masyarakat Baba Nyonya dikaitkan dengan masyarakat Melayu kerana rupanya yang mirip dengan pakaian kaum Melayu. Pakaian tradisional ini berbeza bagi generasi muda dan tua. Pakaian tradisional masyarakat Baba Nyonya bagi kaum perempuan muda ialah baju kebaya pendek yang mempunyai sulaman dan corak flora dan fauna seperti corak bunga, corak ombak dan corak burung merak. Baju kebaya ini akan dipakai bersama kain sarung berserta aksesori tambahan iaitu tiga pasang kerongsang manakala rambut mereka akan disanggul tinggi. Baju kebaya ini dikatakan serupa seperti pakaian orang Indonesia. Bagi kaum wanita yang lebih tua, baju tradisional mereka dipanggil Baju Panjang iaitu baju kebaya yang lebih labuh. Baju Panjang ini berkollar tinggi yang menutup bahagian dada dan labuhnya akan melebihi paras lutut. Selain itu, baju ini mestilah tidak mempunyai potongan yang mengikut bentuk badan dan dipadankan dengan berkerongsang rangkai serta kain sarung. Kebiasaannya, kaum wanita akan memakai kasut manik untuk digayakan bersama baju kebaya mereka. Bagi kaum lelaki masyarakat Baba Nyonya pula, mereka hanya berpakaian ringkas tanpa mempunyai baju tradisional yang spesifik. Menurut Chin Neo (2019), terdapat sebahagian masyarakat Baba Nyonya yang turut memakai pakaian kaum Cina seperti samfoo ketika berada di rumah serta cheongsam apabila menghadiri sesuatu majlis.



Gambar 5: Kebaya masyarakat Baba Nyonya



Gambar 6: Baju panjang masyarakat Baba Nyonya


Dari segi kesenian bagi masyarakat Baba Nyonya, mereka mempunyai tarian tradisional yang dikenali sebagai tarian ronggeng. Tarian ronggeng ini menyerupai tarian joget bagi kaum Melayu. Tarian ronggeng ini disertai oleh perempuan dan lelaki tanpa mengira tua atau muda. Ahli kumpulan untuk sesuatu tarian ronggeng kebiasaannya adalah sebanyak dua puluh orang dan dipersembahkan dalam lima hingga sepuluh minit. Masyarakat Baba Nyonya di Melaka mempunyai kumpulan ronggeng mereka sendiri yang berada di bawah Persatuan Peranakan Cina Melaka di mana mereka akan mempersembahkan tarian ini ketika sesuatu majlis berlangsung sebagai contoh pada Hari Melaka. Tarian ronggeng ini mampu menunjukkan budaya masyarakat Baba Nyonya melalui peralatan yang digunakan ketika membuat persembahan tersebut iaitu kipas, bakul dan payung yang merupakan barangankraftangan buatan masyarakat Baba dan Nyonya itu sendiri. Selain itu, masyarakat Baba Nyonya turut mahir berperibahasa dan berpantun seperti kaum Melayu. Penggunaan pantun dalam kalangan Baba Nyonya sangat

disukai dan mereka menggunakan lagu Dondang Sayang sebagai medium dalam berbalas pantun sesama mereka.



Gambar 7: Tarian ronggeng

Pembuatan kraftangan dalam kalangan masyarakat Baba Nyonya tidak berkembang luas dan mereka hanya tertumpu kepada pembuatan kasut manik. Kain yang digunakan adalah dari jenis polister yang mempunyai ketebalan yang agak tinggi. Manik yang digunakan dalam pembuatan kasut tersebut diimport dari Jerman dan Itali. Manik-manik yang diimport ini adalah sangat halus dan susah untuk didapati pada zaman sekarang. Kasut manik mempunyai pelbagai corak yang menarik dan sesuai untuk digayakan sama ada ketika waktu kasual atau untuk menghadiri sesuatu majlis. Pembuatan kasut manik ini adalah bergantung dengan pembuatan tangan secara keseluruhannya tanpa menggunakan mesin.



Gambar 8: Kasut manik

### Bahasa yang digunakan Masyarakat Baba Nyonya

Menurut Crystal (2000) terdapat lebih 6000 bahasa di seluruh dunia. Masyarakat Baba Nyonya mempunyai bahasa yang unik. Hal ini disebabkan mereka tidak bercakap dalam bahasa Cina walaupun asal usul masyarakat Baba Nyonya ini adalah dari suku kaum Cina. Bahasa yang digunakan oleh masyarakat Baba Nyonya untuk pertuturan sehari-hari mereka adalah bahasa Melayu tetapi mempunyai dialek Hokkien. Sebagai contoh perkataan saya dipanggil goa manakala awak dipanggil lu dalam bahasa Baba Nyonya. Hal ini disebabkan oleh masyarakat Baba Nyonya yang datang ke Tanah Melayu kebanyakannya adalah terdiri dari kelompok Hokkien. Selain itu, Vijayaletchumy Subramaniam dan Wan Muna Ruzanna (2010) menerangkan bahawa penggunaan bahasa Baba Nyonya ini digunakan terutamanya kepada generasi ketiga dan keempat yang untuk berhubung dengan masyarakat di sekeliling mereka. Walau bagaimanapun penggunaan bahasa Baba Nyonya ini semakin berkurangan kerana mereka kini lebih gemar untuk bertutur dalam bahasa Inggeris. Sa'adiah dan Rahilah (2018) menjelaskan bahawa kemerosotan berlaku terhadap bahasa Baba Nyonya kerana bahasa ini tidak mempunyai nilai ekonomi, sikap malu menggunakan bahasa Baba Nyonya, kekurangan usaha menggiatkan bahasa ini dan kurangnya penggunaan bahasa ini sama ada dalam generasi muda atau tua.

### Kesimpulan

Masyarakat Baba dan Nyonya adalah satu masyarakat yang mempunyai banyak keunikan yang tersendiri. Mereka mempunyai cara hidup dan tradisi yang istimewa kerana gabungan pengaruh Melayu dan Cina. Masyarakat Baba dan Nyonya adalah berbeza daripada masyarakat Cina di negara kita. Hal ini kerana, masyarakat Baba Nyonya mempraktikkan kehidupan mereka lebih kepada ciri-ciri Melayu walaupun mereka sebenarnya dilihat sebagai orang Cina. Walau bagaimanapun, budaya masyarakat Baba Nyonya semakin pudar kerana sebahagian mereka terutamanya generasi muda tidak mewarisi dan mangamalkan adat dan budaya tersebut dalam kehidupan sehari-hari mereka. Menurut Su Kim (2008), beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya hakisan pengamalan kepada penurunan budaya

Baba dan Nyonya adalah disebabkan oleh pemodenan dan pergaulan dengan masyarakat dari kaum lain. Masyarakat Baba Nyonya kini sudah mengalami arus pemodenan dan berubah seiring dengan kepesatan kemajuan negara. Menurut Hanapi dan Ajid (n.d) kaum Baba Nyonya kini dianggap sebagai satu contoh yang sesuai untuk pembauran budaya di Malaysia.

### Rujukan

- Adat baba nyonya semakin lenyap ditelan arus pemodenan (2017). Diakses dari <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/adat-baba-nyonya-semakin-lenyap-ditelan-arus-pemodenan-132566>
- Aisyah Tumin, Mohd Salehuddin Mohd Zahari, Noriza Izhak & Khairunnisa Mohamad Abdullah. (2017). *"The influence of Baba Nyonya food acculturation on the Malacca food identity"*. Journal of Tourism, Hospitality and Culinary Arts, Vol. 9 No.2 pp. 467-480. Diakses dari [https://www.researchgate.net/publication/320305845\\_The\\_influence\\_of\\_Baba\\_Nyonya\\_acculturation\\_on\\_the\\_Malacca\\_food\\_identity](https://www.researchgate.net/publication/320305845_The_influence_of_Baba_Nyonya_acculturation_on_the_Malacca_food_identity)
- Arbak Othman (1999). "Kamus bahasa melayu". Shah Alam: Fajar Bakti.
- Hanapi Dollah & Ajid Che Kob. (n.d). "Nyonya Melaka: pelancongan transformasi budaya baba". Jurnal Melayu, Vol. 1 pp. 115-140. Diakses dari <http://jurnalarticle.ukm.my/2974/1/1.pdf>
- Leyden, J. (2012). "Sejarah melayu: the malay annals". Kuala Lumpur: Silverfish Books.
- Mohd Roslan Mohd Nor, Abdul Qayyum M. Suhami & Noor Syahidah Mohd Akhir. (2011). "Muslim Minority". Diakses dari [http://eprints.um.edu.my/2394/1/wocihac2011\\_muslim\\_minority.pdf](http://eprints.um.edu.my/2394/1/wocihac2011_muslim_minority.pdf)
- Muhamat Kawangit, Razaleigh. (2015). "Assimilation of baba nyonya in Malaysia", International Journal of Social Science Studies, Vol. 3 No. 2, pp. 11-20, Diakses dari [https://www.researchgate.net/publication/276324405\\_Assimilation\\_of\\_Baba\\_and\\_Nyonya\\_in\\_Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/276324405_Assimilation_of_Baba_and_Nyonya_in_Malaysia)
- Sa'adiah Ma'alip dan Rahilah Omar. (2018). "Penguasaan bahasa baba nyonya dalam kalangan masyarakat baba nyonya di Melaka". Jurnal Melayu, Vol. 2 No. 17 pp. 312-326. Diakses dari <http://ejurnal.ukm.my/jmelayu/article/view/28676>
- Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar & Shahriza Fadly Misardin. (2011). "Khazanah warisan tempatan di perpustakaan Hamzah sendut, universiti sains malaysia: Koleksi kaum peranakan asia tenggara". Jurnal PPM. Vol. 5. Diakses dari [http://eprints.usm.my/34007/1/6\\_Radia\\_OK.pdf](http://eprints.usm.my/34007/1/6_Radia_OK.pdf)
- Subramaniam, V. & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2010). "Elements of language and assimilation of malay language in baba and nyonya community in Malaysia". Asian Social Science, Vol. 6 No. 6, pp. 179-186. Diakses dari [https://www.researchgate.net/publication/43920255\\_Elements\\_of\\_Lang](https://www.researchgate.net/publication/43920255_Elements_of_Lang)

uage\_and\_Assimilation\_of\_Malay\_Language\_in\_Baba\_and\_Nyonya\_Community\_in\_Malaysia

Su Kim, Lee (2008). “*The peranakan baba nyonya culture: resurgence or disappearance?*”. SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu, Vol. 26 pp. 161-170. Diakses dari [http://jurnalarticle.ukm.my/1125/1/The\\_Peranakan\\_Baba\\_Nyonya\\_Culture.pdf](http://jurnalarticle.ukm.my/1125/1/The_Peranakan_Baba_Nyonya_Culture.pdf)

(Tiang Chuan, Tan & Chin Neo, Tin, temubual personal, 23 April 2019).

Zahir Zainuddin, Dr. (2015). “*Masyarakat baba dan nyonya di Melaka*”. Diakses dari <http://zahirzainudin.blogspot.com/2015/12/masyarakat-baba-dan-nyonya-di-melaka.html>